

GPMS desak ambil tindakan tegas

UM 10 DEC 1999

KUALA LUMPUR 9 Dis. — Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) hari ini mendesak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) yang menyiarkan laporan tidak berasas kononnya Malaysia meminta bantuan Indonesia untuk menjalinkan hubungan lebih erat dengan Israel.

Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, laporan palsu itu jelas bertujuan untuk melagakan pemimpin kedua-dua negara dengan harapan akan timbul ketegangan

diplomatik antara negara terlibat.

Ujarnya, tindakan tegas perlu diambil ke atas FEER termasuk memulaukan majalah itu sebagai pengajaran kepada mereka yang terus menjadi alat propaganda agenda Barat yang mahu umat Islam di rantau ASEAN berpecah-belah serta menjadi lemah.

"Sekarang sudah jelas bahawa FEER sengaja mengada-adakan cerita tersebut.

"Sehubungan itu, GPMS amat berharap agar pemimpin kedua-dua negara lebih berhati-hati selepas

ini terhadap mainan media asing yang dikuasai Barat ini," katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di Alor Gajah, Melaka, hari ini.

Suhaimi mengulas kenyataan Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab pada sidang media khasnya hari ini yang menafikan laporan majalah FEER bahawa presidennya, Abdurrahman Wahid pernah menyatakan Malaysia telah meminta negara itu menjadi orang tengah untuk memialinkan hubungan lebih erat dengan Israel.

Alwi berkata, laporan itu

tidak berasas sama sekali kerana Abdurrahman atau Gus Dur dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah berbincang hal itu dalam pertemuan mereka di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Sepanjang pengetahuan saya dan Abdurrahman sendiri, beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti itu dan ini menimbulkan tandatanya kepada kita apakah motif sebenar FEER (keluaran 9 Disember) memuat laporan tidak benar seumpama itu," kata Menteri Luar Indonesia itu.

Suhaimi menambah, laporan tidak tepat oleh FEER itu tidak boleh dipandang remeh oleh pemimpin kerajaan kerana khawatir lambat-laun ia akan berjaya mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat.

Katanya, peranan media asing yang sering melagakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini, harus dijadikan contoh terbaik kerana ia akhirnya berjaya memberi kesan serius terhadap rakyat.